

No. Rujukan : UTeM.02.05.03/100-3/2/2(2)



**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN  
BILANGAN 2 TAHUN 2012**

---

**PEMAKLUMAN MENGENAI PERUBAHAN  
TEMPOH PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI  
BAGI PELAJAR-PELAJAR  
IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar  
**1 Februari 2012**

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Pegawai-Pegawai Kanan  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/2(2)

1 FEBRUARI 2012

## SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 2/2012

### PEMAKLUMAN MENGENAI PERUBAHAN TEMPOH PELAKSANAAN LATIHAN INDUSTRI BAGI PELAJAR-PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai perubahan tempoh pelaksanaan Latihan Industri daripada 12 minggu kepada 10 minggu bagi pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan.

2.0 Pekeliling Pentadbiran Bilangan 5 Tahun 2011 bertarikh 18 Februari 2011 telah memaklumkan bahawa Latihan Industri (Program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan - Pelajar Tahun Tiga) dilaksanakan selama 12 minggu di dalam Semester Khas Sesi 2011/2012 mulai **25 Jun 2012-14 September 2012**.

3.0 Walau bagaimanapun, Mesyuarat Senat Bilangan 1 Tahun 2012 yang bersidang pada 18 Januari 2012 telah bersetuju untuk memendekkan tempoh Latihan Industri daripada **12 minggu kepada 10 minggu**. Sehubungan itu, pelajar- pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan khususnya di Tahun 3/2 akan menjalani Latihan Industri dari **25 Jun 2012 hingga 1 September 2012 (10 minggu)**.

4.0 Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menurut perintah,



**HASAN BIN SIRUN**  
Pendaftar

/ukp